

→ TRAGEDI

KEBAKARAN DI HOSPITAL SULTANAH AMINAH



Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah diiringi Che Puan Khaleeda Bustamam (dua dari kiri) melawat mangsa kebakaran di Unit Rawatan Rapi HSA di Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru, semalam.



Kerajaan bersetuju menyalurkan dana khusus untuk kerja membaik pulih HSA”

Dr S Subramaniam,
Menteri Kesihatan

Hospital berusia 50 tahun diaudit

BH
27/10/16
mls-4

→ Pelaksanaan untuk lihat kelemahan premis, buat pembetulan

Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

▸ Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan akan melakukan proses

mana hospital supaya langkah pembetulan boleh dibuat secepat mungkin.

“Ini adalah penting untuk mengelak daripada kejadian kebakaran di Hospital Sultanah Aminah (HSA) berulang,” katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Dalam sesi penerangan itu, kementerian menzahirkan penghargaan kepada percubaan dan keberanian kakitangan Unit Rawatan Rapi (ICU) HSA yang bertindak menyelamatkan pesakit pada kejadian kebakaran di hospital berkenaan.

Kerja Raya (JKR) dan pihak perunding keselamatan sememangnya memberi keutamaan dalam aspek keselamatan dan berfungsi mengikut keperluan perkhidmatan.

“Saya berharap Suruhanjaya Khas siasatan dapat memberi petunjuk dan menambahbaik ter-

■ audit kesiapsiagaan kebakaran di hospital kerajaan yang berusia 50 tahun dan ke atas.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata selepas semua kerja audit di hospital berkenaan selesai, langkah yang sama akan dibuat kepada semua hospital kelolaan kementerian.

Beliau menjelaskan audit itu bertujuan untuk melihat aspek kelemahan yang ada pada mana-

Dr Subramaniam berkata, kerajaan bersetuju menyalurkan dana khusus untuk kerja membaik pulih HSA.

“Kita harap kerja membaik pulih dapat disegerakan dengan adanya dana khusus ini,” katanya.

Terdahulu, Dr Subramaniam memberi penerangan kepada ahli Dewan Rakyat mengenai kejadian kebakaran di HSA yang meragut enam nyawa kelmarin.

Demi keselamatan pesakit

Dr Subramaniam berkata, sikap kakitangan terbabit yang mengambil risiko demi keselamatan pesakit adalah sangat murni dan amat dihargai.

Beliau berkata, bagi kementerian kejadian berkenaan adalah satu peristiwa yang amat menyedihkan.

Katanya, kementerian bersama agensi pelaksana seperti Jabatan

hadap sistem keselamatan di hospital.

“Selain memantapkan kaedah pemantauan secara berkala bagi meningkatkan tahap keselamatan bagi pesakit dan warga kerja di hospital.

“Saya berharap hasil siasatan oleh Suruhanjaya Khas ini dapat memberi panduan dan mencari punca kebakaran di HSA dengan secepat mungkin,” katanya.